

Majalah Dabiq Sebagai Medium Penyebaran Ideologi Ekstremisme Golongan Wanita: Satu Pengenalan
Muhd Imran Abd Razak, Mohd Farhan Abd Rahman, Khairunnisa A Shukor,
Ahmad Firdaus Mohd Noor & Nor Adina Abdul Kadir

MAJALAH DABIQ SEBAGAI MEDIUM PENYEBARAN IDEOLOGI EKSTREMISME GOLONGAN WANITA: SATU PENGENALAN

Muhd Imran Abd Razak*

Akademi Pengajian Islam Kontemporari,

Universiti Teknologi MARA,

Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, Perak, Malaysia.

Mohd Farhan Abd Rahman

Akademi Pengajian Islam Kontemporari,

Universiti Teknologi MARA,

Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, Perak, Malaysia.

Khairunnisa A Shukor

Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris,
Tanjung Malim, Perak, Malaysia.

Ahmad Firdaus Mohd Noor

Akademi Pengajian Islam Kontemporari,

Universiti Teknologi MARA,

Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, Perak, Malaysia.

Nor Adina Abdul Kadir

Akademi Pengajian Islam Kontemporari,

Universiti Teknologi MARA,

Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah, Melaka, Malaysia.

*Corresponding Author's Email: imranrazak@uitm.edu.my

Article history:

Received : 20 Oktober 2023

Accepted : 13 November 2023

Published : 22 Disember 2023

ABSTRAK

Kumpulan ekstremisme Islamic State (IS) atau turut dikenali sebagai *al-Dawlah Islamiyyah fi al-'Iraq wa al-Sham'* (DAISH) telah menyebarkan ideologi mereka melalui pelbagai medium dan media. Antara yang dikesan oleh pihak berkuasa menjadi bahan penyebaran utama adalah koleksi majalah dalam talian yang diberikan nama *Dabiq*. Justeru, artikel ini mengkaji tentang majalah *Dabiq* dan peranannya dalam penyebaran ideologi keganasan khususnya terhadap golongan wanita. Untuk tujuan tersebut, metodologi kajian kualitatif yang menggunakan pendekatan analisis kandungan telah diaplikasikan. Hasil kajian mendapati bahawa koleksi majalah *Dabiq* mempunyai imej dan tarikan unik yang tersendiri. Ia mengandungi dan menyebarkan ideologi ekstremisme yang berbahaya kepada

pembaca termasuk golongan wanita. Ayat-ayat suci al-Quran telah ditafsirkan secara bercampur antara kebenaran dan kebatilan demi kepentingan politik kumpulan IS.

Kata kunci: *Dabiq; Majalah; Ekstremisme; Wanita; Malaysia*

DABIQ MAGAZINE AS A MEDIUM FOR DISSEMINATING EXTREMIST IDEOLOGY AMONG WOMEN: AN INTRODUCTION

ABSTRACT

The Islamic State (IS) extremist group, also known as al-Dawlah Islamiyyah fi al-'Iraq wa al-Sham (DAISH), has disseminated their ideology through various media. Among those identified by authorities as a primary dissemination tool is the online magazine collection named Dabiq. Therefore, this article examines the magazine Dabiq and its role in spreading violent ideology, especially targeting women. For this purpose, a qualitative research methodology using content analysis approach has been applied. The study's findings reveal that the Dabiq magazine collection has its unique image and appeal. It contains and spreads dangerous extremist ideologies to its readers, including women. Quranic verses are interpreted in a mixed manner between truth and falsehood for the political interests of the IS group.

Keywords: *Dabiq; Magazine; Extremism; Women; Malaysia*

PENDAHULUAN

Kumpulan ekstremisme agama dalam kajian ini dikhususkan kepada kumpulan Islamic State ataupun singkatannya IS. Kumpulan IS pernah dikenali sebagai ISI (2006-2013), ISIS (2013-2014) dan kemudiannya bertukar kepada IS (Bunzel, 2015). Mereka turut dikenali sebagai DAISH dalam bahasa Arab merujuk kepada ‘al-Dawlah Islamiyyah fi al-'Iraq wa al-Sham’. Menurut Mantan Penolong Pengarah Bahagian Anti Keganasan, Cawangan Khas (E8), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Datuk Ayob Khan Mydin Pitchay, pada tahun 2018, kumpulan IS kekal menjadi ancaman utama bagi keselamatan di peringkat tempatan dan antarabangsa walaupun semakin kehilangan wilayah-wilayah kekuasaan di beberapa negara (Chew, 2018).

Sebagai sebuah gerakan, setiap pertubuhan pengganas mempunyai ideologi tersendiri yang menjadi panduan dan rujukan bagi setiap ahli mereka. Peranan menggubal dan menyusun ideologi asas ini dimainkan oleh para ideolog bagi setiap pertubuhan tersebut (Gunaratna, 2007). Para ideolog ini akan menghasilkan karya-karya sama ada berbentuk buku, makalah, majalah dan lain-lain. Karya-karya tersebut memainkan peranan yang penting sama ada sebagai rujukan kepada ahli gerakan sendiri, propaganda dan bahan doktrin untuk menarik ahli-ahli baru ataupun sebagai jawapan balas terhadap tohmahan dan kritikan yang dikemukakan oleh

pihak musuh (Razak, 2018). Melalui karya-karya tersebut, ideologi asas yang mendasari sesebuah gerakan ekstremisme akan dapat diperolehi dan seterusnya dianalisis bagi mengenalpasti aspek-aspek keganasan dan ekstrem yang wujud sehingga dapat dilakukan *counter-ideology* yang lebih berkesan terhadapnya beraspirasikan metodologi hukum Islam.

METODOLOGI KAJIAN

Metode Analisis Kandungan merupakan kaedah penyelidikan yang sistematik dan objektif untuk menerangkan dan mengukur fenomena. Ia diaplikasikan pengkaji dalam kajian ini khususnya terhadap bahan utama kajian iaitu 15 siri keluaran majalah *Dabiq*. Secara umumnya, metode yang turut dikenali sebagai Analisis Teks atau Dokumen ini menganalisis bahan-bahan komunikasi bertulis seperti surat khabar, buku, novel, majalah, artikel, iklan dan lain-lain termasuk bahan komunikasi visual. Ia berfungsi menganalisis kepercayaan seseorang atau kumpulan, sikap, nilai dan idea menerusi dokumen yang dihasilkan oleh mereka sendiri. Justeru, pengkaji telah memilih koleksi siri majalah *Dabiq* sebagai bahan dan skop utama kajian ini memandangkan ia mengandungi fahaman yang diperjuangkan oleh kumpulan IS dan dihasilkan oleh mereka sendiri.

Memandangkan majalah *Dabiq* merupakan bahan terlarang untuk dimiliki di Malaysia, pengkaji menggunakan medium internet untuk membaca dan menganalisis data-data yang terdapat dalam siri majalah *Dabiq* tersebut dengan mendapatkan kebenaran khas Polis Diraja Malaysia (PDRM). Fokus khusus analisis pengkaji adalah terhadap isu-isu wanita yang timbul. Namun, oleh kerana keseluruhan majalah *Dabiq* mengandungi maklumat-maklumat penting tentang fahaman ekstremisme agama dan latar kegiatan keganasan kumpulan IS, pengkaji mengaplikasikan metode analisis kandungan ini terhadap semua siri keluaran majalah terebut. Analisis kandungan majalah *Dabiq* turut melibatkan rujukan silang terhadap video-video berkaitan kumpulan IS di laman YouTube serta kajian-kajian lepas yang dihasilkan berkaitan bahan tersebut dan media kumpulan ekstremisme agama yang lain.

MAJALAH DABIQ

Majalah *Dabiq* merupakan koleksi majalah berbahasa Inggeris yang diterbitkan secara dalam talian. Majalah *Dabiq* dipercayai menjadi alat komunikasi utama penyampaian mesej perjuangan kumpulan dan seterusnya menyumbang kepada peningkatan jumlah mendadak *foreign fighters* daripada seluruh dunia untuk menyertai kumpulan IS (Ingram, 2015). Majalah tersebut dinamakan *Dabiq* sempena sebuah tempat bernama Dabiq di utara Aleppo, Syria yang disebut bakal menjadi tempat ‘*malahim*’ atau ‘Armagedon’ di antara Islam dan Kristian (Cook, 2002), yang dianggap antara motivasi utama bagi kumpulan IS terus berjuang. Majalah *Dabiq* mempunyai lima belas keluaran berlainan isu dan tema perbincangan. Berikut adalah senarai 15 tajuk majalah *Dabiq* yang dikeluarkan:

1. The Return of Khilafah, 5 Julai 2014.
2. The Flood, 27 Julai 2014.

3. A Call to Hijrah, 10 September 2014.
4. The Fail Crusade, 11 Oktober 2014.
5. Remaining and Expanding, 21 November 2014.
6. Al-Qaidah of Waziristan a Testimony from Within, 29 Disember 2014.
7. From Hypocrisy to Apostasy the Extinction of the Grayzone, 12 Februari 2015.
8. Sharia’h Alone Will Rule Africa, 30 Mac 2015.
9. They Plots and Allah Plots, 21 Mei 2015.
10. The Law of Allah or the Laws of Mens, 13 Julai 2015.
11. From the Battle of Al-Ahzab to the War of Coalitions, 9 Ogos 2015.
12. Just Terror, 18 November 2015.
13. The Rafidah from Ibn Saba’ to the Dajjal, 19 Januari 2016.
14. The Murtadd Brotherhood, 13 April 2016.
15. Break the Cross, 31 Julai 2016.

Majalah *Dabiq* bukanlah satu-satunya majalah yang diterbitkan oleh kumpulan ekstremisme agama. Sejak 1 Januari 2009 hingga kini, terdapat sekurang-kurangnya tujuh majalah yang telah diterbitkan oleh pelbagai kumpulan dalam 23 bahasa berbeza. Dalam bahasa Inggeris, majalah-majalah tersebut adalah *Azan*, terbitan kumpulan Taliban, *Gaidi Mtaani*, terbitan kumpulan al-Shabaab, *Inspire* dan *Jihad Recollections*, terbitan kumpulan al-Qaeda, *Dabiq* dan *Rumiyah*, terbitan kumpulan IS (Macdonald, 2016).

Majalah *Dabiq* merupakan majalah rasmi kumpulan IS yang diterbitkan oleh Al-Hayat Media Centre. Majalah atas talian ini secara umumnya berkisar tentang prinsip dan kefahaman asas perjuangan kumpulan IS merangkumi persoalan khilafah, hijrah, kafir dan murtad, Islamic State, hudud, qisas dan lain-lain. Jelasnya, majalah tersebut dilihat menyanjung tinggi dua tokoh idola utama, Abu Mus‘ab al-Zarqawi dan Usamah ben Laden.

Majalah *Dabiq* telah ditamatkan keluarannya selepas keluaran terakhir pada Julai 2016. Hal ini dikatakan berpunca daripada penawanian wilayah *Dabiq* oleh tentera bersekutu Turki. Kumpulan IS kemudiannya menerbitkan majalah *Rumiyah* yang bermaksud Rom, menandakan kawasan Barat yang akan ditawan mereka. *Rumiyah* adalah majalah kumpulan IS yang lebih pendek daripada majalah *Dabiq*. Ia memberi tumpuan menjelaskan pendirian politik dan teologi kumpulan IS dan fokus kumpulan IS daripada Timur (*Dabiq*) ke Barat (*Rome/Rumiyah*) (Azman, 2016).

Majalah tersebut juga dilihat cuba menjustifikasi mengapa pihak yang menentang kumpulan IS dikatakan sesat selain membincangkan mengenai serangan-serangan keganasan di seluruh dunia. Walaupun pengkaji dalam kajian ini hanya memfokuskan tentang majalah *Dabiq*, ia tidak menjelaskan data-data kajian kerana kefahaman kumpulan IS masih lagi dibuktikan sama sejak dulu hingga kajian ini ditulis.

Bentuk Penulisan Majalah *Dabiq*

Berdasarkan keseluruhan majalah *Dabiq*, pengkaji dapat merumuskan bentuk penulisannya mengandungi perkara-perkara seperti berikut:

- i. Artikel yang panjang. Biasanya setiap artikel mengandungi satu hingga beberapa halaman muka surat dan disertakan dengan imej yang bersangkutan, yang memberi tumpuan kepada isu, peristiwa, hukum, termasuk juga gabungan konteks sejarah dan kontemporerai.
- ii. Pernyataan bertulis yang pendek. Biasanya ia terdiri daripada pernyataan pendek yang tidak lebih daripada tiga perenggan. *Dabiq* sering memaparkan petikan daripada karya oleh tokoh sarjana silam dan tokoh idola kumpulan IS atau penerangan ringkas mengenai gambar.
- iii. Ruangan iklan atau pemberitahuan. Biasanya ia memaparkan proklamasi atau petikan menarik dari teks Islam disertai dengan imej gambar yang berwarna-warni, gambar-gambar pejuang yang tampan. Termasuk juga iklan tentang tahanan yang dijual. Dalam jenis ini, item-item yang digunakan adalah dalam format dan gaya identiti iklan seperti mana yang terdapat dalam mana-mana majalah lain.
- iv. Perancangan rapi dari segi susunan isu dan grafik. Penelitian pengkaji mendapati adalah sukar untuk mencari kesalahan ejaan dan lain-lain isu teknikal dalam majalah *Dabiq*. Ia disusun kemas dengan grafik yang jelas, seolah-olah mereka bukan berada dalam mod peperangan. Hanya pada *Dabiq* keluaran 7, muka surat 15 yang ditemui mengandungi kesalahan cetakan isi sebanyak dua kali (*Dabiq* 7, 2015).

MOD PERBINCANGAN MAJALAH *DABIQ*

Secara keseluruhannya, majalah *Dabiq* mengutarakan mod perbincangan yang menggunakan pelbagai metode dalam menarik perhatian para pembacanya. Metode penyampaian majalah tersebut boleh dirumuskan kepada beberapa ciri-ciri yang utama, iaitu; (i) penyampaian berbentuk laporan pencapaian kejayaan yang telah dicapai, (ii) penyampaian berbentuk penerangan manfaat-manfaat yang bakal diperolehi jika menyertai perjuangan kumpulan IS, (iii) penyampaian berbentuk penghujahan tentang perkara-perkara yang dianggap suatu kewajipan dalam agama dan, (iv) ancaman-ancaman bagi mereka yang tidak sekumpulan dengan mereka sama ada muslim maupun kafir.

Pada setiap keluaran majalah *Dabiq*, ia akan dimulakan dengan melaporkan perkembangan kumpulan IS dan sekutunya dalam melakukan penaklukan dan serangan-serangan di wilayah kekuasaan mereka khususnya dan serangan di seluruh dunia amnya. Laporan-laporan tersebut dapat difahami untuk menunjukkan kekuatan sama ada untuk menakutkan pihak musuh atau untuk menarik lebih banyak sokongan daripada umat Islam sedunia. Kejayaan yang dimaksudkan mereka juga termasuk serangan-serangan bom berani mati atau serangan-serangan *lone wolf* yang telah memberikan ketakutan kepada golongan kafir. Hal ini dapat dibuktikan juga dengan penyediaan satu ruangan khas di hampir setiap ruangan terakhir majalah

tentang kenyataan-kenyataan golongan yang dianggap musuh kumpulan IS yang sedang berada dalam ketakutan terhadap ancaman mereka.

Penerangan tentang manfaat-manfaat tersebut boleh dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu manfaat secara fizikal dan juga manfaat secara spiritual. Manfaat secara fizikal merujuk kepada manfaat *dawlah khilafah* kepada umat Islam sedunia dengan kekuasaan politik yang besar dan bernaung di bawah satu entiti seterusnya menguasaikekayaan dunia (*Dabiq* 12, 2015). Hal ini dapat dilihat dalam laporan-laporan majalah *Dabiq* tentang perusahaan pengeluaran makanan Islam sendiri (*Dabiq* 2, 2014), harta zakat yang disalurkan kepada para asnaf, ghanimah yang diberikan kepada anak-anak yatim (*Dabiq* 2, 2014), pusat perubatan kanser bagi kanak-kanak, rumah penjagaan orang tua dan juga perkhidmatan pembersihan rumah yang disediakan (*Dabiq* 4, 2014).

Selain daripada itu, majalah *Dabiq* turut melaporkan sumbangan kumpulan IS kepada bidang pendidikan dengan penyediaan kolej perubatan di wilayah Raqqah dengan kurikulum yang terbaik (*Dabiq* 9, 2015). Justeru itu, mereka mengajak pelajar-pelajar perubatan seluruh dunia untuk belajar atau berkhidmat di sana. Ia dikatakan pembelajaran yang berbeza dengan sistem sekularisme yang hanya mementingkan soal pekerjaan semata-mata. Bagi menjadikan ia lebih menarik, tiada yuran yang dikenakan dalam kursus perubatan yang ditawarkan. Mereka turut menyediakan makanan, pengangkutan, pakaian dan rumah secara percuma (*Dabiq* 9, 2015).

Manfaat spiritual pula adalah merujuk kepada manfaat yang bakal diperolehi oleh seseorang muslim kepada status agama mereka jika menyertai kumpulan. Mereka yang menyokong dan berhijrah ke wilayah IS dijanjikan dengan tawaran kehidupan beragama yang indah di sana (*Dabiq* 2, 2014) dan mendapat syurga abadi di hari akhirat jika terbunuh dalam perjuangan tersebut (*Dabiq* 11, 2015). Oleh itu, dengan penyertaan ke dalam aktiviti jihad kumpulan IS, ia bukan hanya dapat membantu kepentingan ummah, malah dapat menjamin kebahagiaan seseorang individu di negeri akhirat yang berkekalan. Hijrah juga dipopularkan sebagai jalan penyelesaian bagi individu-individu yang mempunyai masalah di negara masing-masing khususnya daripada negara Barat yang sudah rosak sistem kemanusiaannya (*Dabiq* 12, 2015). Kesemua manfaat-manfaat yang dilaporkan dalam majalah *Dabiq* tersebut merupakan tawaran yang dilihat menarik. Ia dianggap dekat dengan ramai dalam kalangan umat Islam kerana kehidupan yang sempurna berpandukan agama merupakan hasrat setiap individu muslim. Namun jika diperhalusi, ia merupakan perangkap yang boleh membinsakan kehidupan seseorang muslim di dunia dan di akhirat.

Penghujahan tentang perkara-perkara yang dianggap sebagai suatu kewajipan dalam agama merupakan gambaran kumpulan kefahaman agama kumpulan IS. Antara yang paling ditekankan adalah kewajipan dalam menegakkan *dar al-Islam*, yang berlawanan dengan *dar-kufir* (*Dabiq* 7, 2015). Peristiwa 9/11 dan kata-kata Presiden Amerika yang memberikan amaran kepada dunia sama ada muhu bersama Amerika atau menentang Amerika telah dijadikan bukti bahawa orang kafir khususnya pihak Barat sentiasa memusuhi Islam dan pembahagian dua wilayah tersebut adalah fakta yang tidak dapat dinafikan. Mana-mana umat Islam yang tidak muhu menyokong kumpulan IS dianggap sebagai murtad kerana menyokong *taghut*

(*Dabiq* 7, 2015). Justeru itu, menjadi kewajipan bagi semua umat Islam untuk berhijrah ke wilayah *dar al-Islam* dan menyokong kumpulan IS kerana mereka adalah pejuang Islam sebenar yang dimusuhi orang-orang kafir. Jihad mengangkat senjata telah ditekankan sebagai satu-satunya cara dalam menegakkan Islam di bumi (*Dabiq* 15, 2016).

Selain daripada itu, majalah *Dabiq* turut menekankan tentang kewajipan melaksanakan jihad walaupun tidak dapat berhijrah ke wilayah IS kerana halangan-halangan tertentu (*Dabiq* 11, 2015). Penghargaan dan penghormatan diberikan kepada individu-individu di negara Barat yang dikatakan berani berkorban kerana agama apabila melancarkan serangan-serangan *lone wolf* yang membunuh orang-orang yang dianggap sebagai kafir mahupun murtad. Umat Islam juga turut ditekankan tentang kewajipan memberikan baiah atau taat setia kepada Khalifah Abu Bakar al-Baghdadi yang merupakan ketua bagi semua umat Islam. Jika gagal dan mati sebelum memberikan baiah, kematian itu dianggap kematian jahiliyyah kerana melanggar salah satu daripada kewajipan dalam agama Islam (*Dabiq* 15, 2016). Kewajipan-kewajipan yang dilaungkan dalam majalah *Dabiq* sememangnya mempunyai kepentingan yang tersendiri. Walaupun secara umumnya istilah-istilah yang digunakan menggambarkan tentang kewajipan, laporan-laporan aktiviti penuh unsur kekejaman dan keganasan jelas menggambarkan tentang sikap mereka yang cuba mengeksplorasi istilah-istilah syarak demi kepentingan sendiri.

Bentuk terakhir penulisan majalah *Dabiq* adalah dengan memberikan ancaman-ancaman kepada para pembaca. Ancaman-ancaman tersebut boleh dibahagikan kepada dua jenis ancaman; (i) ancaman kepada mereka yang bergelar ‘muslim’, (ii) ancaman kepada orang-orang kafir. Ancaman kepada ‘muslim’ adalah seperti ancaman menjadi munafiq kerana tidak mempunyai keimanan tentang khilafah yang didirikan (*Dabiq* 2, 2014), melengah-lengahkan diri untuk berhijrah kerana pelbagai alasan dunia, kehidupan yang merosakkan diri seseorang muslim dan keluarganya di negara-negara Barat dan lain-lain yang akan menyebabkan mereka menjadi munafiq, murtad atau kafir. Ancaman terhadap muslim juga termasuk pewartaan hukuman keras terhadap kesalahan-kesalahan yang dilakukan di wilayah IS (*Dabiq* 2, 2014). Ancaman-ancaman terhadap orang Islam tersebut boleh difahami sebagai satu paksaan agar umat Islam seluruh dunia menyokong mereka. Jika tidak, ia boleh menjadi justifikasi bagi mereka untuk melaksanakan sesuatu keganasan terhadap mana-mana negara umat Islam.

Ancaman kepada orang-orang kafir di wilayah *dar al-kufir* pula adalah ancaman-ancaman keganasan sama ada dengan menunjukkan keganasan yang telah dilakukan kepada orang-orang kafir di wilayah diduduki IS (*Dabiq* 7, 2015), di negara-negara lain (*Dabiq* 12, 2015) ataupun ancaman dalam bentuk kata-kata terhadap masa depan orang-orang kafir di negara masing-masing (*Dabiq* 12, 2015). Penyembelihan tawanan orang kafir telah direkod dan disebarluaskan sebagai suatu ancaman agar negara asing khususnya negara-negara Barat tidak menyerang mereka (*Dabiq* 3, 2014). Begitu juga pembakaran tawanan seperti pembakaran secara langsung juruterbang Jordan (*Dabiq* 7, 2015), ia dapat difahami sebagai ancaman bagi mana-mana negara Arab agar menjauhkan diri daripada turut serta menentang kumpulan IS. Ancaman dalam bentuk kata-kata termasuk juga dengan memetik kata-kata pemimpin utama dan idola mereka seperti Abu Mus‘ab al-Zarqawi dan

‘Usamah ben Laden (*Dabiq* 5, 2014). Kata-kata ancaman adalah seperti akan menakluk semua negara dan menjadikan isteri-isteri serta anak-anak orang kafir sebagai hamba abdi mereka (*Dabiq* 4, 2014). Kesemuanya merupakan perang saraf agar ketakutan berterusan menghantui dunia Barat dan seterusnya menghasilkan tindak balas terhadap kumpulan IS dan juga umat Islam di negara mereka. Ia seterusnya menjadi justifikasi bagi kumpulan IS meneruskan siri keganasan di seluruh dunia.

RUANGAN KHAS WANITA DALAM MAJALAH *DABIQ*

Terdapat satu ruangan dalam siri majalah *Dabiq* yang dikhususkan untuk golongan wanita yang diberikan nama ‘To Our Sisters’. Namun, ruangan tersebut hanya bermula pada majalah *Dabiq* keluaran ketujuh. Ruangan ‘To Our Sisters’ siri pertama bertajuk ‘A Brief Interview with Umm Basir al-Muhajirah’ (*Dabiq* 7, 2015). Wanita yang ditemu ramah tersebut menceritakan bagaimana kegembiraan dirinya bersama suami dengan pengisytiharan khilafah dan bersegera untuk berhijrah ke wilayah IS. Pengkaji mendapati ruangan ‘To Our Sisters’ lebih bersifat memujuk golongan wanita agar menyertai kumpulan IS. Berbeza dengan gambaran keseluruhan majalah IS yang bersifat agak keras dan ganas, ruangan berkaitan wanita tersebut dilihat lebih harmoni. Ia seolah-oleh khabar daripada seorang kakak yang memujuk adik perempuannya sama-sama menyumbang sesuatu untuk kedaulatan agama.

Hal tersebut dapat dibuktikan dengan ruangan ‘To Our Sisters’ dalam *Dabiq* keluaran kelapan yang bertajuk ‘The Twin Halves of the Muhajirin’ dan *Dabiq* keluaran kesebelas yang bertajuk ‘A Jihad Without Fighting’ yang menjelaskan kepentingan wanita sebagai tulang belakang dalam menyokong perjuangan pejuang-pejuang lelaki (*Dabiq* 8, 2015; *Dabiq* 11, 2015). Di samping itu, ruangan ‘To Our Sisters’ keluaran lain turut menekankan tentang kedudukan wanita dalam sistem pernikahan Islam yang menjurus kepada memberi khidmat kepada pejuang-pejuang lelaki seperti ‘Two, Three, Four’ (*Dabiq* 12, 2015) yang menekankan tentang poligami yang wajib diredhai dan ‘Advise to Ihdad’ yang menekankan tentang perkabungan wanita yang suaminya terbunu dalam perperangan dan larangan meninggalkan wilayah IS. Uniknya, pada *Dabiq* keluaran kelima belas, ruangan ‘To Our Sisters’ telah ditukarkan nama kepada ‘For Women’ dengan bilangan muka surat terbanyak yang dilihat menjurus khusus untuk menarik perhatian dan sokongan wanita-wanita daripada negara Barat (*Dabiq* 15, 2016).

KESIMPULAN

Berdasarkan bentuk dan mod perbincangan majalah *Dabiq* tersebut, dapatlah dirumuskan bahawa majalah *Dabiq* merupakan majalah yang boleh diklasifikasikan sebagai unik dan berimej menarik. Ia turut mengandungi pelbagai maklumat penting tentang strategi dan fahaman beragama kumpulan IS. Antara yang terpenting adalah strategi perekutan ahli baru termasuk golongan wanita dengan melibatkan sama ada penerapan info-info yang sahih seperti ayat-ayat al-Quran, Hadis dan perlakuan para sahabat tetapi disalah tafsirkan untuk kepentingan diri sendiri. Fahaman beragama

kumpulan IS juga dapat difahami dengan isu-isu hukum yang diketengahkan oleh mereka. Kepercayaan asas mereka tentang erti sebenar Islam dan kafir juga dapat dinilai dan difahami untuk tindakan lanjutan yang sewajarnya.

RUJUKAN

- _____. (2014, 27 Julai). The Flood. *Dabiq* 2. <https://clarionproject.org/docs/isis-isil-islamic-state-magazine-Issue-2-the-flood.pdf>.
- _____. (2014, 5 Julai). The Return of Khilafah. *Dabiq* 1. <https://clarionproject.org/docs/isis-isil-islamic-state-magazine-Issue-1-the-return-of-khilafah.pdf>.
- _____. (2014, 10 September). A Call to Hijrah. *Dabiq* 3. <https://clarionproject.org/docs/isis-isil-islamic-state-magazine-Issue-3-the-call-to-hijrah.pdf>.
- _____. (2014, 11 Oktober). The Fail Crusade. *Dabiq* 4. <https://clarionproject.org/docs/islamic-state-isis-magazine-Issue-4-the-failed-crusade.pdf>
- _____. (2014, 21 November). Remaining and Expanding. *Dabiq* 5. <https://clarionproject.org/docs/isis-isil-islamic-state-magazine-issue-5-remaining-and-expanding.pdf>.
- _____. (2014, 29 Disember). Al-Qaidah of Waziristan a Testimony from Within. *Dabiq* 6. <https://clarionproject.org/docs/isis-isil-islamic-state-magazine-issue-6-al-qaeda-of-waziristan.pdf>.
- _____. (2015, 12 Februari). From Hypocrisy to Apostasy the Extinction of the Grayzone. *Dabiq* 7.
- _____. (2015, 13 Julai). The Law of Allah or the Laws of Mens. *Dabiq* 10. <http://clarionproject.org/wpcontent/uploads/Issue%2010%20%20The%20Law%20of%20Allah%20or%20the%20Laws%20of%20Men.pdf>.
- _____. (2015, 18 November). Just Terror. *Dabiq* 12. <http://clarionproject.org/wp-content/uploads/islamic-state-isis-isil-dabiq-magazine-issue-12-just-terror.pdf>.
- _____. (2015, 21 Mei). They Plots and Allah Plots. *Dabiq* 9. <https://clarionproject.org/docs/isis-isil-islamic-state-magazine-issue+9-they-plot-and-allah-plots-sex-slavery.pdf>.
- _____. (2015, 30 Mac). Sharia'h Alone Will Rule Africa. *Dabiq* 8. <https://clarionproject.org/docs/isis-isil-islamic-state-magazine-issue+8-sharia-alone-will-rule-africa.pdf>.
- _____. (2015, 9 Ogos). From the Battle of Al-Ahzab to the War of Coalitions. *Dabiq* 11. <http://clarionproject.org/wpcontent/uploads/Issue%2011%20%20From%20the%20battle%20of%20Al-Ahzab%20to%20the%20war%20of%20coalitions.pdf>.
- _____. (2016, 13 April). The Murtadd Brotherhood. *Dabiq* 14. <http://clarionproject.org/wp-content/uploads/Dabiq-Issue-14.pdf>. Dilayari pada 26 Ogos 2016.

- _____. (2016, 19 Januari). The Rafidah from Ibn Saba’ to the Dajjal. *Dabiq* 13. <http://clarionproject.org/wp-content/uploads/Issue-13-the-rafidah.pdf>.
- _____. (2016, 31 Julai). Break the Cross. *Dabiq* 15. <http://clarionproject.org/wp-content/uploads/islamic-state-magazine-dabiq-fifteen-breaking-the-cross.pdf>.
- Bunzel, C. (2015). *From Paper State to Caliphate: The Ideology of the Islamic State*. Washington DC: Center for Middle East Policy, Brookings Institution.
- Chew, A. (2017, 30 Disember). Islamic State remains the Top Terror Threat for Malaysia in 2018: Police. *Channel News Asia*. <https://www.channelnewsasia.com/news/asiapacific/islamic-state-remains-the-top-terror-threat-for-malaysia-in-2018-9820872>.
- Cook, D. (2002). Studies in Muslim Apocalyptic. Dlm. *Princeton*. New Jersey: Darwin Press (h. 21).
- Gunaratna, R. (2007). Ideology in Terrorism and Counter Terrorism: Lesson from Al-Qaeda”, dlm. *The Ideological War on Terror: Worldwide Strategies for Counter Terrorism*, ed. Anne Aldis and Graeme P. Herd. United Kingdom: Routledge (hh. 21-34).
- Ingram, Haroro J. (2015). An Analysis of Islamic State’s Dabiq Magazine. *Australian Journal of Political Science*, 5 (3). 459.
- Macdonald, S. (2016). Terrorist Narratives and Communicative Devices: Findings from a Study of Online Terrorist Magazines. Dlm. *Expanding Research on Countering Violent Extremisms*, ed. A. Aly et al. Abu Dhabi: Hidayah.
- Nur Aziemah Azman. (2016). Islamic State’ (IS) Propaganda: Dabiq and Future Directions of ‘Islamic State. *Journal of the International Centre for Political Violence and Terrorism Research*, 8 (10), 5-6.
- Razak, M.I.A (2018). *Isu-isu Wanita dalam Fiqh Jihad Kumpulan Ekstremisme Agama: Kajian Terhadap Majalah Dabiq dan Kaitannya di Malaysia*. Tesis PhD. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.